

3 MAR 1996

Mahathir-politik

M'SIA HADAPI DILEMA BERHUBUNG PENAJAAN POLITIK: PM

Oleh: K.C.Leong

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia, seperti negara-negara lain, menghadapi dilema cara terbaik untuk mengatasi masalah sumbangan untuk politik dan pembabitan parti-parti politik dalam perniagaan.

Semasa menjawab satu pertanyaan pada dialog semasa forum pemimpin-pemimpin perniagaan Asia di sini, beliau berkata situasi ini meletakkan parti-parti politik dalam keadaan "dikutuk kalau melakukannya dan dikutuk juga jika tidak melakukannya".

"Politik satu bidang yang sungguh mahal. Saudara perlu wang untuk membuat lawatan, saudara perlu wang untuk berkempen, untuk mencetak poster dan segala-galanya," katanya.

Masalahnya ialah bagaimana sebuah parti politik mampu membiayai diri sendiri, katanya dan menambah kata bahawa di Malaysia kedua-dua sumbangan dari orang ramai dan pembabitan parti politik dalam perniagaan telah berlaku dan kedua-duanya didapati tidak memuaskan.

Katanya di Amerika Syarikat, parti-parti politik secara terbuka mencari derma termasuk menerusi jamuan makan dengan harga AS\$1,000 sepinggan.

Ada juga cadangan supaya kerajaan memberi peruntukan untuk parti-parti politik menjalankan kempen mereka tetapi cara ini tidak diterima sepenuhnya.

Dr Mahathir berkata di Malaysia masalah ini belum diselesaikan dan kesulitannya ialah bagaimana untuk menerima sumbangan daripada orang ramai tanpa memberi keistimewaan kepada mereka, misalnya, dalam menawarkan kontrak kepada penyumbang itu.

Beliau juga memberi contoh pengalamannya sendiri apabila orang-orang yang bergambar dengannya menggunakan gambar itu untuk mencari pengaruh.

Dr Mahathir berkata masalah itu dapat diatasinya dengan membenarkan sesiapa sahaja bergambar dengannya.

Kepada soalan lain, beliau berkata tindakan tegas Malaysia menerusi Dasar Ekonomi Baru telah membantu negara mencapai persamaan yang lebih adil di kalangan rakyat.

"Perbezaan antara kaum kini tidak begitu ketara dan kini ada orang Cina yang kaya, orang Melayu yang kaya dan orang India yang kaya selain ada Cina miskin, Melayu miskin dan India miskin," katanya.

Jumlah golongan pertengahan di Malaysia telah meningkat berikutan pelaksanaan program itu dengan golongan termiskin semakin berkurangan daripada 50 pratus kepada lima peratus daripada jumlah penduduknya.

Mengikut dasar Persyarikatan Malaysia, katanya peniaga dikenalpasti sebagai pencipta kemewahan negara yang menyumbang 30 peratus daripada pendapatan mereka kepada kerajaan menerusi pelbagai cukai.

Katanya hari ini ada orang Melayu yang kaya raya yang asalnya dari keluarga pesawah dan bukan dari keluarga elit. "Sesiapa sahaja boleh jadi kaya di Malaysia dan golongan miskin, jika mereka bersedia bekerja keras, tentunya dapat mengatasi kemiskinan mereka." -- Bernama.

LKC AHH